

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2016

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes penyeludupan di Langkawi yang berjaya dibanteras oleh pihak kastam dalam tempoh masa lima tahun lepas serta penyeludupan apakah yang tertinggi telah dilaporkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh lima tahun lepas

dari 2011 hingga 2015 sejumlah 258 kes penyeludupan di Langkawi telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Daripada jumlah tersebut, bilangan kes yang tertinggi dicatatkan adalah bagi penyeludupan kenderaan iaitu sebanyak 160 kes yang merupakan 62 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang telah diambil tindakan.